

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/05/07 - 37

WAKTU OPERASI KAUNTER DUTI SETEM DAN KAUNTER PUSAT BAYARAN LHDNM SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), kaunter duti setem dan kaunter pusat bayaran LHDNM akan beroperasi seperti berikut:

Bil.	Perkhidmatan	Waktu Operasi
i.	Kaunter Duti Setem di Pejabat Setem Cawangan	8.00 pagi – 3.00 petang*
ii.	Kaunter Duti Setem di Pusat Khidmat Hasil (PKH)**	8.00 pagi – 1.00 tengah hari 1.30 tengah hari – 3.00 petang*
iii.	Kaunter Pusat Bayaran LHDNM (Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching)	8.00 pagi – 3.00 petang (Isnin - Jumaat)

* Berdasarkan hari bekerja di setiap negeri.

** PKH yang terletak di negeri Kedah akan mula beroperasi pada 10 Mei 2020 manakala PKH yang terletak di negeri Kelantan akan mula beroperasi pada 11 Mei 2020.

2. Pelanjutan waktu operasi kaunter duti setem dan kaunter pusat bayaran LHDNM sehingga pukul 3.00 petang berbanding hanya setakat pukul 12.00 tengah hari sebelum ini adalah selaras dengan hasrat LHDNM untuk memastikan kelancaran urusan individu dan pihak-pihak yang memerlukan khidmat berkaitan duti setem serta yang ingin menunaikan tanggungjawab melaksanakan bayaran cukai. Sebarang perubahan waktu operasi akan dimaklumkan bersesuaian dengan keadaan semasa.
3. Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara di atas boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:
- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-89111100 (Luar Negara),
 - b) HASiL Live Chat;
 - c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>; dan
 - d) Media Sosial Rasmi LHDNM iaitu:
 - Facebook - <https://www.facebook.com/LHDNM>
 - Twitter - <https://twitter.com/LHDNMofficial>

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21965/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 07 Mei 2020



/LHDNM



@LHDNOfficial



LHDNM



LhdnTube